




M A N U S I A

A L A M

Sejarah-sejarah Persekitaran Singapura

Panduan Pameran

PELAN TATALETAK PAMERAN



MEMAHAMI ALAM

Asia Tenggara merupakan salah sebuah kawasan dunia yang mempunyai kepelbagaian kehidupan alam yang sangat tinggi. Di Singapura sahaja, terdapat lebih daripada 40,000 spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Flora dan fauna di rantau ini telah dipelajari selama berabad-abad, dan pengetahuan yang dalam dan luas tentang alam sekitar telah terkumpul di dalam masyarakatnya yang pelbagai.

Dari abad ke-17, peningkatan perdagangan dan penjajahan kuasa-kuasa Eropah di rantau ini memperkenalkan kajian sejarah alam semula jadi, yang ditakrifkan sebagai pemerihalan, penamaan dan pengelasan makhluk-makhluk hidup. Usaha-usaha ini meningkat sepanjang abad ke-18, ketika syarikat-syarikat India Timur Inggeris dan Belanda memulakan usaha komersial dan penjajahan mereka dengan bersungguh-sungguh. Pengkaji alam dan penjelajah terjun ke bidang ini kerana teruja untuk mempelajari spesies asing dan “eksotik”.

Kajian Eropah mengenai sejarah alam semula jadi sebahagiannya dilakukan untuk kepentingan saintifik. Dari sisi yang lain, pemahaman yang mendalam tentang lingkungan dianggap sebagai komponen utama kolonialisme, kerana ia memungkinkan penguasaan ke atas ekonomi pedagang yang akan disita. Ini sangat bergantung kepada perdagangan sumber alam semula jadi seperti rempah-rempah, kayu-kayan dan pertanian ladang.



MALAY VILLAGE MEDICINE: PRESCRIPTIONS COLLECTED BY I.H. BURKILL AND MOHAMED HANIFF


I.H. Burkill (1870–1965), Mohamed Haniff (1872–1930)
The Garden's Bulletin Straits Settlements Vol. VI (April 1930), No. 6–10
Singapore, 1930
Koleksi Ya Yin Kwan, Pemberian Encik Tan Yeok Seong
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Penerbitan mengenai perubatan Melayu ini adalah salah satu penerbitan langka yang memberi penghargaan kepada seorang ahli alamiah Melayu sebagai pengarangnya. Ia mengandungi maklumat berharga mengenai pengetahuan botani masyarakat Melayu di seluruh semenanjung. Ini juga merangkumi glosari nama-nama Melayu bagi tumbuh-tumbuhan di samping nama-nama saintifiknya.

Para penulisnya menyatakan bahawa dalam mengambil kelaziman penamaan bahasa Melayu, banyak tanam-tanaman diberi nama bagi khasiat dan kegunaannya dan bukan ciri-ciri fizikalnya. Oleh kerana itu, ia telah membuatkan tanaman-tanaman yang kelihatan berbeza diberi nama yang serupa, suatu kaedah yang berbeza dengan para ahli sains Eropah.

Burkill dan Haniff yang telah lama bekerjasama, mengadakan lawatan-lawatan ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Mereka merujuk kepada bomoh-bomoh (pengamal perubatan) dan bidan-bidan mengenai ubat-ubatan tempatan dan meminta sampel pelbagai tanaman. Setelah diperolehi, sampel botani disimpan di Herbarium Kebun Bunga Singapura, di mana sifat-sifat dan kegunaannya dicatat.





ACCOUNT OF A NEW SPECIES OF TAPIR IN THE PENINSULA OF MALACCA

William Farquhar (1774–1839), A. Seton, Pierre-Medard Diard (1794–1863)
Asiatic Researches, Vol. XIII No. XI (1820/21)
London, 1820
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Sebelum memegang jawatan sebagai Residen Pertama Singapura, Farquhar telah berkhidmat sebagai Residen dan Komandan di Melaka selama 15 tahun. Sepanjang waktu itu, dia sangat aktif sebagai seorang ahli alamiah. Dia menugaskan penangkapan dan pengumpulan tumbuh-tumbuhan dan haiwan, dan menyusun maklumat untuk diterbitkan.

Politik penerbitan dalam masyarakat saintifik Eropah ini digambarkan dengan sempurna oleh usaha Farquhar untuk menerbitkan pemerihalannya mengenai tapir Malaya. Walaupun dia menulis laporannya pada tahun 1816, naskahnya tersembunyi selama hampir empat tahun, sebelum akhirnya diterbitkan pada tahun 1820 dalam jilid yang ditunjukkan di sini. Sementara itu, Raffles berhasrat untuk menerbitkan laporannya sendiri di London. Dia menulis surat kepada rakannya Nathaniel Wallich, meminta agar makalah Farquhar ditarik kerana unsur-unsur “ketidaktepatan”. Tidak diketahui sama ada permintaan Raffles itu dipatuhi.

Di sebalik usaha-usaha ini, ahli alamiah Perancis, Georges Cuvier dan Anselme Gaëtan Desmarest telah membaca naskah Farquhar, dan memperolehi spesimen tapir mereka sendiri. Mereka kemudian berjaya menerbitkan laporan mereka sendiri sebelum Raffles dan Farquhar pada tahun 1819, dan Desmarest mendapat kehormatan untuk menamakan spesies *Tapirus indikus*.



ZOOLOGICAL RESEARCHES IN JAVA, AND THE NEIGHBOURING ISLANDS

Thomas Horsfield (1773–1859), Charles Joseph Hullmandel (1789–1850)
London, 1824
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Karya seorang ahli alamiah Amerika ini, Thomas Horsfield, mencatatkan sebahagian dari koleksi sejarah alam semula jadi yang dikumpulkannya ketika dia berada di Jawa di antara tahun 1801 dan 1819.

Horsfield mula tinggal di Jawa semasa dia diambil kerja sebagai seorang pakar bedah oleh syarikat penjajah Belanda di Batavia (Jakarta). Pada masa itulah dia mulai melakukan penelitian sejarah alam semula jadi di wilayah ini. Ketika tentera Inggeris menyerang dan merebut kekuasaan ke atas Jawa daripada Belanda pada tahun 1811, Horsfield memulakan persahabatan dengan Leftenan-Gabenor Jawa yang baru dilantik, Stamford Raffles, yang menugaskannya untuk mengumpulkan spesimen-spesimen.

Dalam bukunya, Horsfield menggambarkan lebih daripada 70 jenis mamalia dan burung yang berbeza, mengenal pasti beberapa daripadanya dan mengelaskan mereka buat pertama kali. Hasilnya, beberapa spesies di wilayah ini telah dinamai sempena namanya, seperti Javanese Flying Squirrel (*Iomys horsfieldii*) dan Horsfield’s Fruit Bat (*Cynoterus horsfieldi*).





GLEANINGS OF NATURAL HISTORY, EXHIBITING FIGURES OF QUADRUPEDS, BIRDS, INSECTS, PLANTS & C. VOLUME 1

George Edwards (1694–1773)
London, 1758


Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Ini adalah karya terawal sejarah alam semula jadi dalam pameran ini. Ini juga adalah satu-satunya yang mendahului sistem pengelasan Linnaean, yang mana semua pengelasan saintifik moden didasarkan.

Ditulis oleh seorang ahli alamiah Inggeris, George Edwards, ketiga-tiga jilid ini mengandungi beratus-ratus ilustrasi sejarah alam semula jadi, yang disiapkan dan diwarnai oleh pengarang.

Gambaran mengenai pelbagai tumbuhan dan haiwan dari seluruh dunia didasarkan pada spesimen, baik yang sudah mati maupun yang masih hidup, yang diperhatikan oleh Edwards di muzium dan juga koleksi yang dibawa ke England oleh pelaut-pelaut dan ahli alamiah yang lain.

Halaman ini menunjukkan ilustrasi seekor orang hutan oleh Edwards, yang disebutnya sebagai "Man of the Woods". Gambarannya didasarkan pada spesimen yang berada di British Museum, yang dibandingkan dengan kisah-kisah tentang haiwan yang serupa oleh pengembara dan ahli alamiah. Dengan hanya keterangan dan ilustrasi yang ada, Edwards hanya dapat mengagak tentang pengenalanpastian spesies tersebut, yang dia yakini berasal dari India atau Afrika.



ATLAS ICHTHYOLOGIQUE DES INDES ORIENTALES NÉÉRLANDAISES: PUBLIÉ SOUS LES AUSPICES DU GOUVERNEMENT COLONIAL NÉÉRLANDAIS

Pieter Bleeker (1819–1878)
Amsterdam, 1862–1878

Diderma oleh Marine Fisheries Research Department
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Perairan tropika di rantau ini mengandungi keanekaragaman kehidupan laut terkaya di dunia, yang mana spesies baharu masih ditemui hingga ke hari ini. Karya sembilan jilid ini adalah salah satu penerbitan tentang ikan di Nusantara yang paling komprehensif dan sangat dicari, yang mengandungi 1,500 ilustrasi, diwarnai dengan tangan.

Ia diterbitkan oleh Pieter Bleeker, seorang pakar perikanan dan doktor tentera yang bekerja dengan Syarikat Hindia Belanda. Sewaktu Bleeker ditempatkan di Indonesia, dia memperoleh spesimen dan maklumat daripada nelayan tempatan, lebih dari 12,000 yang di antaranya sekarang berada di Natural History Museum di Leiden, Belanda.



MENGGUNAKAN ALAM

Semangat penerokaan saintifik yang mencirikan usaha para penjajah Eropah dari abad ke-17 hingga ke-19 itu disertai dengan pemusnahan ekologi di tanah jajahan mereka. Menjelang abad ke-19, cita-cita ekonomi imperialis syarikat perdagangan Eropah seperti Syarikat India Timur Inggeris (EIC) telah memacu rangkaian eksplorasi dan pengumpulan pengetahuan botani yang kompleks di Asia Tenggara, dengan tujuan untuk menundukkan dan memanfaatkan alam semula jadi untuk keuntungan komersial.

Setelah penubuhan pos perdagangan EIC di Singapura pada tahun 1819, sejumlah besar hutan primer dibersihkan untuk mengusahakan tanaman kontan dan membina kawasan bandar dan jalan raya yang menuju ke kawasan pedalaman. Pada tahun 1830-an, tarif perdagangan gambir dinaikkan. Ini membolehkan peningkatan akses ke Britain dan pasaran global, yang mempercepatkan penanaman gambir dan lada untuk dieksport. Alam semula jadi di Singapura menjadi objek penggunaan kerana sumbernya dituai untuk menghasilkan komoditi pertanian untuk pasaran global.



PLAN SHOWING ENCROACHMENTS ON CROWN LAND IN THE DISTRICT OF WHA HEN KANG


Survey Office, Singapore, Straits Settlements (S.S),
16 May 1880

Koleksi Penguasa Tanah Singapura, ihsan Arkib Negara

Pelan tinjauan ini memetakan perkebunan gambir dan lada, hutan yang digunakan untuk pemotongan kayu, dan kawasan rumput lalang yang ditinggalkan di Wha Hen Kang, yang menurut sejarah terletak di anak sungai paling selatan Sungai Kranji. Nombor-nombor menunjukkan tanah berhampiran Jurong Road, yang disewakan oleh pihak berkuasa kolonial kepada pekebun Cina, dan jenisnya, jangka masa dan ukuran kawasan penanamannya. Ladang terbesar yang ditunjukkan di sini disewa oleh peladang-peladang Oh Ah Poke dan Yheon Ah Ngoh selama 10 tahun.

Tanah “di bawah penanaman tanpa wewenang”, ditandai dengan garis batas biru kelam, diduduki oleh setinggian (peneroka sementara). Orang Cina mengamalkan peralihan penanaman, melibatkan pembersihan hutan dara primer untuk menanam tanaman. Apabila tanah kehabisan nutrien, dan bekalan kayu dan kayu bakar yang berdekatan menjadi sukar untuk didapati, para setinggian meninggalkan ladang mereka dan berpindah ke tanah dara baharu. Bekas tanah ladang dengan cepat akan dipenuhi oleh rumput lalang invasif (*Impertina cylindrica*).






THE STORY OF THE RUBBER INDUSTRY

Henry Nicholas Ridley (1855–1956)
 London, c. 20th century
 Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Penanaman getah secara komersial di Tanah Melayu dipelopori oleh Henry Ridley (1855-1956) di Kebun Bunga Singapura, di mana dia bertugas sebagai pengarah pertamanya. Ridley menyempurnakan kaedah herringbone untuk menoreh tanaman itu. Dengan cari ini, pokok-pokok getah itu terlindung dari kerosakan yang memberikan ia jangka hayat melebihi 20 tahun untuk menghasilkan lateks. Ini menjadikan getah sebagai tanaman yang layak secara ekonomi untuk penanaman besar-besaran.

Risalah ini direka oleh Ridley untuk menggalakkan para peladang memulakan penanaman pokok-pokok getah. Dia telah menggariskan amalan menoreh dan kaedah penyediaan terbaik, potensi ekonomi dan pengeluaran getah di Tanah Melayu.

Ridley diketahui telah mengisikan saku jaketnya dengan biji-biji getah segar dan menyumbatkannya ke dalam saku para peladang yang tidak berminat untuk meyakinkan mereka supaya menanam pokok-pokok getah. Oleh kerana tindakannya itu, dia kemudian diberikan julukan "Mad Ridley" dan "Rubber Ridley".



SELETAR RUBBER ESTATE PURCHASE REPORT

Seletar Rubber Estates Limited
 Singapore, 1 February 1910
 Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Potensi komersial getah menarik para pedagang untuk mengambil bahagian dalam penanaman tanaman itu secara besar-besaran. Mereka termasuk Tan Chay Yan (陈齐贤), yang memulakan ladang getah pertama di Tanah Melayu pada tahun 1896, dan Tan Kah Kee (陈嘉庚), yang mula menanam getah dengan nanas di ladangnya di Seletar pada tahun 1906.

Pada tahun 1910, Tan Kah Kee menjual ladang getahnya di Sembawang kepada para pelabur yang berpusat di London, yang kemudiannya mengasaskan Seletar Rubber Estates Limited. Laporan pembelian ini memperincikan kawasan tanah ladang seluas 898 ekar (kira-kira 3.6 kilometer persegi), 235,000 pokok-pokok getah yang ada, serta pengiraan mengenai jangkaan pengeluaran getah, kos dan keuntungan dari tahun 1910 hingga 1916.





MAP OF THE ISLAND OF SINGAPORE AND ITS DEPENDENCIES

Singapore, 1898

Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Peta ini menunjukkan hutan simpan (ditandai dengan warna hijau) yang ada di pulau itu pada awal abad ke-20. Pada akhir 1870-an, pemerintah Negeri-Negeri Selat menjadi semakin prihatin kerana bekalan kayu dan air di tanah jajahan menyusut dengan cepatnya. Pada tahun 1881, Nathaniel Cantley (1847-1888), Pentadbir Kebun Bunga Singapura, ditugaskan untuk menghidupkan semula landskap alam semula jadi yang telah hancur disebabkan oleh ladang pertanian dan peneuaian kayu. Untuk memelihara hutan asal Singapura, dia mengusulkan agar hutan simpan dibentuk di lapan kawasan yang masih ada hutan primer yang tersisa. Lapan kawasan ini kemudian menjadi hutan simpan pertama di Singapura.

Menjelang tahun 1886, jumlah hutan simpan yang ditentukan telah meningkat menjadi empat belas. Setelah Cantley meninggal pada tahun 1887, Henry Ridley, pengarah pertama Kebun Bunga, memimpin Forest Department dan meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan hutan.

Forest Department (Jabatan Perhutanan) telah menggajikan seorang penjaga hutan untuk melakukan rondaan di kawasan hutan simpanan, melawan kebakaran hutan dan mencegah pembalakan haram. Sementara itu, pekerja-pekerja hutan mengumpulkan buah-buahan dan biji-biji yang gugur, mengusahakannya di tapak semeian di Kebun Bunga Singapura dan menanamnya semula di kawasan hutan simpanan di seluruh pulau.



HARIMAU MALAYA PANTHERA TIGRIS JACKSONI

Dipinjam dari Zoological Reference Collection,
Lee Kong Chian Natural History Museum

Harimau Malaya dipercayai telah berenang melintasi selat dari Semenanjung Tanah Melayu ke Singapura melalui pulau-pulau perantaraan iaitu Pulau Tekong dan Pulau Ubin untuk mencari makanan dan tempat pembiakan. Mereka berkeliaran di tepi hutan, yang menyediakan sumber makanan seperti babi hutan dan rusa.

Ketika manusia terus mencerobohi hutan Singapura, harimau-harimau tidak dapat memperolehi makanan yang cukup dari habitat semula jadi yang tersisa dan terhad. Mereka kemudian mula menjadikan binatang ternakan dan manusia sebagai mangsa mereka. Pada pertengahan abad ke-19, Singapura telah mendapat reputasi sebagai tempat yang dipenuhi dengan harimau-harimau pemakan manusia.



MEMBAHARUKAN ALAM

Pada tahun 1967, Perdana Menteri pertama Singapura Lee Kuan Yew menerapkan visi “Garden City”, dengan tujuan untuk meningkatkan daya hidup negara kota yang berkembang pesat dan menarik pelancongan dan pelaburan asing. Program-program penanaman pokok, pembinaan taman-taman baharu dan tempat-tempat hijau yang khusus kemudiannya membawa penghijauan ke kawasan bandar. Usaha penghijauan ini disertai dengan minat dalam perlindungan keanekaragaman tempatan. Untuk tujuan ini, Nature Reserves Board (NRB) dibentuk pada tahun 1970-an untuk mengurus dan melindungi simpanan alam semula jadi yang ada.

Tuntutan berkembar untuk membangunkan infrastruktur bandar yang perlu seperti perumahan dan pengangkutan, dan pemuliharaan kawasan alam semula jadi, terbukti sebagai usaha penyeimbangan yang sukar. Ini adalah suatu tekanan yang dialami oleh banyak negara tetapi sangat genting bagi Singapura yang kekurangan tanah. Ketika aspirasi dan keperluan setiap generasi baharu Singapura berubah, kebijakan penggunaan tanah di Singapura harus juga berkembang sewajarnya. Walaupun keperluan penduduk seperti perumahan awam terus mendapat permintaan tinggi, kawasan alam semula jadi juga diperlukan untuk rekreasi awam. Hari ini, usaha mengimbangi keperluan pembangunan dan pemuliharaan alam semula jadi ini berterusan.



A GUIDE TO TREE PLANTING

Singapore Botanic Gardens
Singapore, 1963
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Perdana Menteri pertama Singapura, Lee Kuan Yew melancarkan Tree Planting Campaign (Kempen Menanam Pokok) pertama Singapura pascakolonial pada tahun 1963 yang menekankan usaha penyediaan tempat-tempat berteduh dan penghijauan untuk meningkatkan mutu jalan raya dan ruang awam pulau-pulau. Ini kemudiannya memuncak kepada visi yang lebih luas pada tahun 1967 yang dikenali sebagai kempen “Garden City”. Bahagian penting dalam kempen ini adalah pendidikan awam, untuk mendapatkan sokongan masyarakat yang luas untuk usaha penghijauan Singapura.

Panduan penanaman pokok ini diterbitkan oleh Kebun Bunga Singapura dalam keempat-empat bahasa rasmi pada tahun 1963 sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendidik masyarakat tentang pentingnya menanam pokok. Ia menekankan pentingnya pokok-pokok di persekitaran bandar dan menggalak para penduduk menanam pokok-pokok bunga kecil seperti Acacias dan Casuarinas di taman dan kawasan perumahan mereka.

Pokok-pokok tersedia untuk dijual di Botanic Gardens Plant Nursery, dan orang ramai digalakkan untuk meminta bantuan dari Pengarah Taman untuk usaha penanaman pokok mereka sendiri.





**THE MALAYAN ORCHID REVIEW
MALAYAN ORCHID SOCIETY**

Singapura, 1934
Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Erich Richard Holttum memulakan kerjayanya sebagai ahli botani di Singapura sebagai Penolong Pengarah Gardens Department of the Straits Settlements pada tahun 1925-1949. Setelah terkesan dengan kejayaan berulang penanaman anggrek Vanda Miss Joaquim dari tahun 1893, dia mengabdikan dirinya dalam usaha pengacukan dan penanaman anggerik. Pada tahun 1928, dia berjaya memperkenalkan kaedah baru percambahan anggerik dari Eropah, yang dia menguji kaji di Kebun Bunga Singapura dan memulai program penanaman anggerik di Singapura.



Dia membentuk Malayan Orchid Society (Persatuan Anggerik Malaya) dengan Jon Laycock dan Emil Galistan pada tahun 1928 yang bertujuan untuk mempromosikan industri anggerik di rantau ini dan berhubung rapat dengan makmal penanaman anggerik Kebun Bunga. Society (Persatuan) itu telah menerbitkan Malayan Orchid Review, memaparkan dan membincangkan anggerik kacukan terbaharu dan juga mengadakan pertunjukan dan pertandingan bunga. Usaha ini melahirkan industri yang berkembang pesat di Singapura dan pada tahun 1992, industri anggerik menyumbang \$3 juta kepada ekonomi Singapura setiap tahun. Singapura terus menjadi pusat penting untuk pembiakan anggerik kacukan hingga ke hari ini.



**FLOWERS OF SINGAPORE:
SPECIAL STAMP ISSUE 10TH TREE PLANTING DAY**

Sylvia S.H. Tan, Chua Ban Hor
Singapore, 1980
PO1058/98
Koleksi Arkib Negara

Poster ini menampilkan koleksi setem peringatan yang dikeluarkan pada tahun 1980 untuk meraikan ulang tahun kesepuluh Tree Planting Day (Hari Menanam Pokok). Setem itu mempunyai bunga hiasan yang biasa dilihat di tepi jalan dan di taman-taman dan kebun-kebun termasuk Ixora, Allamanda, Sky cine, dan Bougainvillea.

Walaupun poster itu berbunyi 'Flowers of Singapore', kebanyakan bunga-bunga ini tidak berasal dari pulau ini. Allamanda adalah spesies asal Brazil yang diperkenalkan, pokok Sky yang menjalar berasal dari India, dan Bougainvillea berasal dari Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, semua tanaman ini telah menjadi ciri khas penghijauan Singapura dan merupakan tanaman khusus di landskap kita.






A SURVEY OF NATURE CONSERVATION ON SINGAPORE ISLAND

Humphrey Morrison Burkill (1914-2006)
 Singapore, 1959
 Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Tinjauan ini terhadap lima simpanan alam semula jadi Singapura - Bukit Timah, Pandan, Kranji, Labrador dan Central Water Catchment Nature Reserve - dilakukan oleh Humphrey Burkill, yang bertugas sebagai pengarah Kebun Bunga Singapura dari tahun 1957 hingga 1969. Pengesahan Nature Reserves Ordinance and Nature Reserves Act pada tahun 1951 memperluas perlindungan undang-undang ke simpanan alam semula jadi ini, dan mewajibkan agar mereka dikendalikan dengan tujuan melindungi flora dan fauna asli. Perkembangan ini meletakkan asas bagi usaha pemuliharaan alam semula jadi di Singapura pasca kemerdekaan.



A PROPOSAL FOR A NATURE CONSERVATION AREA AT SUNGEI BULOH


Richard Hale, Subaraj Rajathurai, Rexon Ngim, and Ho Hua Chew, in collaboration with Clive Briffett and Christopher Hails
 Singapore, 1987
 Koleksi Perpustakaan Negara, Singapura

Saranan pemuliharaan untuk Paya Simpanan Sungei Buloh ini disiapkan oleh Bird Group Conservation Committee of the Malayan Nature Society (cawangan Singapura). Ini adalah yang pertama dalam rangkaian saranan-saranan yang mendahului Master Plan for the Conservation of Nature di Singapura.

Dalam saranan itu, para penulis mengetengahkan nilai sejarah dan budaya alam semula Sungei Buloh, menggambarkannya sebagai "tempat perlindungan terakhir" Singapura untuk 126 spesies burungnya, yang kebanyakannya adalah burung yang berhijrah dari bahagian utara Asia. Kumpulan ini membuat pelbagai cadangan untuk menguruskan tapak ini sebagai tempat perlindungan burung dan pusat pendidikan alam sekitar, termasuk sebuah pusat pelawat dan kegiatan-kegiatan seperti berjalan kaki dan lawatan pertanian berpandu.

Pada tahun 1989, pemerintah secara rasmi memberi komitmen untuk pemeliharaan Sungei Buloh dan menetapkannya sebagai taman alam semula jadi. Ini adalah suatu titik bersejarah bagi pemuliharaan alam semula jadi kerana ia adalah kali pertama tanah disisihkan untuk pemuliharaan di Singapura pasca kemerdekaan.





TERIMA KASIH DI ATAS KUNJUNGAN ANDA



Lawati www.go.gov.sg/hxn untuk maklumat lebih tentang pameran ini.



Lawati www.go.gov.sg/hxnprogs untuk senarai penuh program-program, bengkel-bengkel dan lawatan berpandu.



nationallibrarysg

Sebuah pameran oleh



National Library
Singapore

